

Bakti mesin taip lama

Tombiruo karya nostalgia istimewa:

Ramlee Awang Murshid



10

PROFIL

Nama Penuh: Ramlee Awang Murshid
Tarikh Lahir: 4 November 1967
Tempat Lahir: Papar, Sabah
Pendidikan: Sarjana Muda Sastera dengan Kejuruan dalam Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Pencapaian:

- Pemenang tempat kedua untuk novel *Igaun Maut* (1995) dalam Pertandingan Menulis Novel Dewasa, anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), cawangan Kota Kinabalu.
- Anugerah Sastera Negeri Sabah 1995/1996 menerusi novel *Igaun Maut*
- Pemenang tempat kedua untuk novel *Pei Pan*, anjuran Hadiah Sako Novel Nasional 2002.
- Anugerah Sastera Negeri Sabah 2004/2005 menerusi novel *Pei Pan*
- Anugerah Sastera Negeri Sabah 2006/2007 menerusi novel *Bagaikan Puteri*
- Anugerah Buku Pilihan Pembaca Popular Berita Harian 2009 menerusi novel *Hijab Sang Pencinta* (tempat ke-3)
- Anugerah Buku Negara 2012 (Kategori Novel Remaja) menerusi novel *9 Nyawa*

Sufi, Rayyan Fantasi, Sutera Bidadari, Aku Bercerita, Mitos dan Magis, masing-masing menggambarkan sesuatu yang istimewa buat Ramlee.

Menurutnya, jika bercerita mengenai populariti, legasi Sunan seperti *Bagaikan Puteri, Cinta Sang Ratu dan Hijab Sang Pencinta*, adalah yang paling dekat untuk digambarkan mengenai novelnya itu.

"Ya, kalau dilihat dari segi populariti, ia mengingatkan saya akan legasi Sunan. Namun, bila menggambarkan novel yang membuatkan salah berpeluh adalah *Rahsia Perindu*."

"Manakala *Tombiruo* pula adalah novel yang mengingatkan saya akan kerja keras, kesukaran untuk mendapatkan rujukan serta nostalgia istimewa. Hanya berbekalkan mesin taip pemberian ayah saya, Awang Murshid, sudah pastinya ia memberi kenangan buat saya."

"Malah, *Tombiruo* menjadi permulaan minat saya dalam bidang penulisan sehingga membawa saya untuk terus berkarya serta berimajinasi. Malah, ayah saya merupakan pencetus semangat saya untuk terus melangkah dalam bidang ini," katanya lagi.

Mengangkat karya novel ke layar perak bukanlah kerja mudah dan ia dibuktikan dengan penghasilan filem adaptasi, *Tombiruo: Penunggu Rimba*, yang sehingga kini masih lagi merangkumi pembikinan di peringkat lakon layar.

Walaupun memakan masa lama, ketiga-tiga produksi yang terlibat dalam pembikinan filem ini iaitu Kumpulan Media Karangkraf, Layar Sunan Sdn Bhd dan Ideate Media Sdn Bhd, sepakat memastikan kelancaran dan kemandapan dari segi latar penceritaan terlebih dahulu.

Di saat ini, pasti ramai penggemar dan pengikut karya Ramlee Awang Murshid, temant-nanti *Tombiruo* di layar perak apabila filem ini bakal menemui penonton pada tahun depan.

Namun, bagi golongan yang sebelum ini tidak mengikuti perkembangan novelis thriller terkenal ini, pastinya ada yang tertanya-tanya, apakah makna di sebalik *Tombiruo* dan bagaimana latar pembikinan awal novel ini dihasilkan?

Apakah keistimewaan *Tombiruo* itu sendiri di mata Ramlee sehingga karya ini menjadi filem adaptasi sulung daripada deretan novelnya?

Berkesempatan menemui bual novelis hebat ini, Ramlee tidak keberatan menyingkap kembali sejarah penghasilan novel ini yang dituliskannya lebih dua dekad lalu.

Menurut Ramlee, ketika novel *Tombiruo* ditulis, usianya ketika itu baharu sahaja menjangkau awal 20-an dan idea penghasilan 100 peratus daripada pemerhatiannya mengenai isu semasa ketika itu.

"Sebenarnya, di awal 90-an, saya sudah memikirkan mengenai idea untuk menghasilkan *Tombiruo*. Ketika itu, cerita sudah ada namun, saya masih memikirkan mengenai tajuk novel."

"Saya mahu agar orang mudah ingat dengan judulnya. Ketika itu, saya masih lagi di Sabah dan bertugas sebagai penulis skrip drama di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Kebetulan pula, ibu mertua saya merupakan suku kaum Kadazan-Dusun."

"Saya bertanya kepadanya, apakah maksud hantu? Dia memberitahu, ianya dipanggil *Tombiruo* dalam suku kaum berkenaan. Dari situlah saya mendapat judul novel ini," katanya. Pun begitu, Ramlee memberitahu bahawa dia 'memeram' *Tombiruo* sehingga menghasilkan *Igaun Maut* dan *Anugerah Pertama* terlebih dahulu.

"Saya mula menulis *Tombiruo* apabila saya berada di Kuala Lumpur dan hanya menggunakan mesin taip pertama yang dihidaiahkan ayah saya pada pertengahan 80-an."

"Penulisan *Tombiruo* mengambil masa lebih setahun dan ketika itulah saya mendapat idea untuk mengembangkan lagi watak *Tombiruo* itu kepada dua karakter iaitu Ejim dan Amiruddin."

"Sepanjang penghasilan novel itu, saya banyak membuat rujukan mengenai pembalakan, isu semasa dan bertanya kepada rakan-rakan termasuk menterjemahkan dialog ke dalam bahasa Kadazan-Dusun serta pakaian tradisi mereka yang diperbuat daripada kulit kayu," katanya lagi.

12 tahun baru pikat pembaca

Meskipun *Tombiruo* dihasilkan lebih 20 tahun lalu, namun isu yang diketengahkan itu masih lagi relevan untuk dikembangkan pada zaman ini.



Ramlee bersama ayahnya, Awang Murshid.

Mesin taip pemberian ayahnya untuk menghasilkan *Tombiruo*.



Selain memaparkan isu semasa mengenai pembalakan haram yang dilakukan secara meluas, Ramlee memberitahu bahawa *Tombiruo* dihasilkan melalui konsep penulisan secara *Intercut* dan menjadikannya satu perjalanan cerita yang tidak membosankan.

"Sebagai penulis skrip drama, setiap hari saya memikirkan idea untuk menghasilkan karya. Apabila pandangan ini dilontar jauh ke hutan, saya memikirkan *Tombiruo*."

"Namun, setelah lebih 20 tahun *Tombiruo* berluar dan

dengan perbandingan ilmu yang saya ada dahulu hingga sekarang, ada beberapa kelemahan yang saya kesan dalam novel berkenaan.

"Paling ketara adalah dari aspek perundangan di mana hukuman gantung itu hanya melalui proses singkat sedangkan secara realiti, ia memerlukan jangka masa panjang. Saya gambarkan di dalam *Tombiruo* hanyalah sebulan selepas dijatuhkan hukuman."

"Begitu juga dengan penceritaan mengenai watak apabila saya mengangkat Amiruddin secara berlebihan berbanding kisah sebenar iaitu Ejim atau *Tombiruo* itu sendiri."

"Setelah menyedari kelemahan itu, saya mula memperbaikinya menerusi novel, *Semangat Hutan* dan diharapkan adaptasi filem ini akan diperbaiki lagi ke tahap yang lebih memuaskan," jelasnya lagi.

Tambah Ramlee, usaha untuk membawa *Tombiruo* ke syarikat penerbitan bukanlah sesuatu yang mudah kerana novelnya sebelum ini, *Anugerah Pertama*, pernah ditolak kerana alasan tiada 'nama' ketika itu.

"Ketika itu, saya mencari-cari syarikat penerbitan yang mampu menerima tulisan saya dan ada rakan yang mencadangkan agar saya mencuba nasib di Karangkraf.

Alhamdulillah, karya saya diterima, namun perlu menunggu hampir dua tahun untuk diterbitkan menerusi Alaf 21.

"Pada peringkat permulaan, jualan *Tombiruo* tidak begitu menggalakkan dan saya memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Sekitar 2005 hingga 2007, barulah ada peningkatan demi peningkatan. Hampir 12 tahun saya bersabar, akhirnya *Tombiruo* berjaya mencuri tumpuan pembaca."

"Malah, sehingga kini, *Tombiruo* masih lagi mendapat sambutan dan permintaan daripada golongan pembaca. Boleh dikatakan, saya memerlukan masa lebih 10 tahun untuk mendekati *Tombiruo* di hati pembaca," katanya.

Bapa pencetus semangat

Di antara deretan novel nukilannya termasuk *Ranggau, Mandatori, Pei Pan, ADAM, Satu Janji, Bagaikan Puteri, Hatiku Diharajuku, Cinta Sang Ratu, Ungu Kamila, Hijab Sang Pencinta, Mikhail, 9 Nyawa, Cinta*

